

Panel khas siasat

BH - 6 APR 2001

Oleh Munaarfah Abu Bakar

KUALA LUMPUR, Khamis - Lembaga Disiplin Umno menubuhkan sebuah jawatankuasa khas bagi menyiasat dakwaan berlaku penyalahgunaan wang menjelang pemilihan peringkat Umno Bahagian Kuantan, Pahang. Pengerusinya, Tan Sri Tengku Ahmad Rithauddeen Tengku Ismail, berjawatankuasa itu di-

anggotai tiga ahli lembaga disiplin dan dipengerusikan oleh Tan Sri Zaki Tun Azmi.

Dua ahli jawatankuasa khas itu ialah Tan Sri Ahmad Razali Mohd Ali dan Datuk Nakhaei Ahmad.

"Penubuhan jawatankuasa yang dipersetujui Majlis Tertinggi (MT) Umno ini bertujuan menyiasat dak-

waan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Beserah, Datuk Fauzi Abdul Rahman mengenai penyelewengan dan politik wang dalam parti," katanya dalam satu kenyataan di sini hari ini.

Pada 31 Mac lalu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan penubuhan segera jawatankuasa khas sementara bagi me-

nyiasat semua dakwaan Fauzi berkaitan penyelewengan dan politik wang.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno dilaporkan berkata, jawatankuasa berkenaan akan ditubuhkan di bawah Lembaga Disiplin.

Fauzi menyerahkan surat peletakan jawatan kepada Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pa-

dakwaan Fauzi

hang, Datuk Seri Adnan Yaakob pada 30 Mac lalu dengan memberi beberapa alasan, termasuk dirinya tidak lagi diperlukan oleh Umno % uantian berikutan pencalonan cawangan bagi pemilihan ketua bahagian itu tidak memihak kepadanya.

Dalam surat peletakan jawatannya, Fauzi turut mendakwa berlakunya

amalan politik wang dalam bahagian itu hingga menyebabkan beliau tidak mendapat pencalonan secukupnya bagi membolehkannya bertanding mempertahankan jawatan ketua Umno bahagian Kuantan.

Fauzi turut membuat laporan polis terhadap Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakob yang

didakwanya terbabit dalam penyelewengan ketika menjadi Menteri Besar Pahang.

Tengku Ahmad Rithauddeen berkata, jawatankuasa khas itu akan menyiasat segera dakwaan penyalahgunaan wang berkenaan dan akan melaporkan hasil siasatan itu pada MT dalam masa terdekat.